

Banyakkan bersedekah pada bulan Ramadan

Siaran Akhbar dan Foto :
Syababul Kheir, Belia Masjid Kampung Layong

TUTONG, Sabtu, 26 Mei. - Kumpulan Syababul Kheir, Belia Masjid Kampung Layong pada 24 Mei lalu mengadakan Majlis Tazkirah bertajuk 'Andainya ini Ramadan Terakhirku' bertempat di Masjid Kampung Layong, di sini.

Hadir menyampaikan tazkirah tersebut ialah Penolong Pensyarah Bidang Hadis, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Mohd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit.

Beliau dalam tazkirahnya menjelaskan, pada bulan

Ramadan, umat Islam adalah sangat-sangat digalakkan untuk beristighfar (memohon kemaafan daripada Allah Subhanhu Wata'ala), membaca Al-Quran dan bersedekah.

Jelasnya, bersedekah pada bulan Ramadan adalah sangat-sangat dituntut, Allah melipatgandakan pahala orang yang bersedekah, selain menghapuskan dosa orang-orang yang bersedekah.

Syababul Kheir merupakan Kumpulan Belia-belia Masjid Kampung Layong yang baru ditubuhkan tahun ini sebagai

inisiatif bagi mengimarakan masjid, yang mana ia merupakan aktiviti ketiga yang dikelolakan oleh mereka setelah mengadakan Majlis Qiyamulail dan Majlis Sembahyang Subuh Berjemaah sempena Hari Keluarga Kebangsaan.

Juga hadir ialah Imam masjid, Pengiran Sueb bin Pengiran Haji Mumin, ahli jawatankuasa masjid, belia-belia masjid serta penduduk-penduduk setempat.

PENOLONG Pensyarah Bidang Hadis, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Mohd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit menyampaikan Tazkirah.



KUMPULAN Syababul Kheir, Belia Masjid Kampung Layong bergambar ramai pada Majlis Tazkirah di Masjid Kampung Layong.

مقررکنلکن اقلیکاسی موده الیه جابتن قنرغن


Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'